

## **AKTIVITI KOKURIKULUM DALAM KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI KUALA LUMPUR : KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN**

Wardatul Aishah. Musa,<sup>2</sup>Nooraini Othman,<sup>3</sup> Mohd Nasrul Hakim. Jalaludin,<sup>4</sup>  
Nor Pujawati. Md Said

<sup>1</sup>Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Information Technology, 1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup> UTM Perdana School, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur

<sup>3</sup>Universiti Kuala Lumpur, Chancellery, 1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>4</sup>Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

---

**ABSTRAK :** *Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum khususnya aktiviti keusahawanan bukanlah sesuatu yang baru. Ianya merupakan satu strategi penting dalam mendorong para pelajar untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan selepas bergraduasi. Namun kajian kecenderungan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum ini perlu dijalankan untuk memastikan keberkesanan faktor-faktor yang terlibat dalam menjadi pendorong terhadap pembabitan pelajar dalam aktiviti keusahawanan. Pelajar yang memulakan perniagaan lebih awal semasa di alam kampus berpotensi untuk memposisikan perniagaannya sebagai kerjaya pilihan bahkan boleh meningkatkan taraf ekonomi negara dengan cara menyumbang dari sudut pendapatan dan menawarkan peluang pekerjaan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengukur kecenderungan pelajar terhadap aktiviti keusahawanan melalui beberapa faktor di Universiti Kuala Lumpur. Seramai 133 orang pelajar kelas Asas Keusahawanan dan Pengenalan Kepada Teknousahawan telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah melalui kaedah soal selidik. Data dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS Versi 19.0) dan Structural Equation Modelling (SEM). Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan secara keseluruhannya adalah positif. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan sokongan keluarga ( $CR=4.2$ ,  $P=0.000$  dan idola ( $CR=2.89$ ,  $P=0.004$ ) adalah signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar. Akhirnya, satu model kecenderungan keusahawanan yang fit dengan data kajian telah dibina di dalam kajian ini.*

**KATA KUNCI :** *kokurikulum, kecenderungan keusahawanan, sokongan keluarga, idola*

---

### **I. PENGENALAN**

Aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah dikenali sebagai aktiviti kokurikulum. Sistem persekolahan mewajibkan aktiviti kokurikulum kepada para pelajar untuk memberi pendedahan kepada mereka keseimbangan antara teori dan praktikal. Begitu juga dengan institusi pengajian tinggi kerana di peringkat ini, pelajar perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai pengalaman dan kemahiran. Pengalaman dan kemahiran penting kepada pelajar untuk membina penampilan diri, keyakinan diri, berdikarai dan membina hubungan yang baik bersama rakan-rakan.(17) menyatakan aktiviti kokurikulum adalah aktiviti pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan selepas waktu pembelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan adalah bermanfaat kepada pelajar dan aktiviti tersebut adalah lanjutan kepada pelajaran selepas sesi persekolahan

Peraturan-peraturan pendidikan dalam Kurikulum Kebangsaan 1997 memperjelaskan bahawa kurikulum kebangsaan sebagai suatu program pendidikan termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang pelajar dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi (11). Universiti Kuala Lumpur turut memberi tumpuan pembangunan diri pelajarnya secara holistik iaitu mencakupi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek melalui salah satu aktivitinya iaitu aktiviti keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan di Malaysia dilaksanakan sebagai salah satu strategi melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP Ke-3) dengan tujuan untuk menambah bilangan sumber manusia yang mahir, berkebolehan membangunkan inovasi dan teknologi serta menggalakkan perniagaan bagi mencapai matlamat masyarakat perdagangan dan perindustrian menjelang tahun 2020 (15).

Penglibatan pelajar di dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan di kampus-kampus akan mendedahkan mereka kepada pelbagai kemahiran. Antara kemahiran yang boleh terhasil akibat daripada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum khususnya aktiviti keusahawanan adalah seperti kebolehan untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan kebolehan untuk merangka perancangan perniagaan. Kepelbagaian aktiviti keusahawanan yang dianjurkan di Universiti Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk mencambahkan minat terhadap budaya keusahawanan selain untuk mencungkil bakat sedia ada yang wujud dalam diri pelajar..

## **II. AKTIVITI KOKURIKULUM DAN KEUSAHAWANAN**

Dalam arus perdana masa kini, tuntutan dalam pekerjaan adalah kepada pelajar yang bukan sahaja memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi tetapi juga mempunyai keterampilan dan kewibawaan yang tinggi. Pelajar masa kini, dituntut untuk menguasai pelbagai kemahiran dan mempunyai personaliti yang baik agar mereka mampu menjadi pelajar yang mempunyai daya tahan yang tinggi, bijak dalam menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan yang mendatang serta bijak dalam menguruskan tekanan.

Pelajar yang mempunyai karakter yang baik dapat menyesuaikan diri dengan sebarang tekanan dan mampu mewujudkan hubungan dalam persekitaran pekerjaan. Keadaan ini akan menyebabkan produktiviti dan kualiti kerja meningkat dengan baik dan mampu berdaya saing diperingkat antarabangsa. Justeru, pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum mudah untuk mendapat tempat dalam pasaran kerja tempatan dan antarabangsa.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi pada 13 April 2010 sebagai langkah menggalakkan pembangunan modal insan dalam melahirkan siswazah usahawan yang sentiasa bersedia menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan berkemahiran.

Terdapat banyak aktiviti keusahawanan yang telah dijalankan di peringkat Universiti Kuala Lumpur antaranya ialah Karnival Jom Jadi Usahawan (2JU), Seminar Saya Mahu Jadi Usahawan Berjaya (SEDAYA), Kursus Latihan Pembentukan Usahawan (LPU), Keahlian Persatuan Keusahawanan Pelajar atau *Student Entrepreneurship Association* (SEA), penglibatan di dalam Dewan Perniagaan Alumni UniKL (DPAU), Kem Tunas Usahawan dan Pemadanan Perniagaan antara pelajar dan usahawan luar yang menjadi rakan strategik Universiti Kuala Lumpur.

Kepelbagaian aktiviti ini adalah seiring dengan usaha Institut Keusahawanan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah menubuhkan Program Keusahawanan Siswa (PKS) sejak tahun 1989 yang bertujuan untuk membudayakan semangat keusahawanan di kalangan siswa di Institusi pengajian tinggi. PKS ini terdiri daripada Program Pembangunan Usaha Siswa (PPUS), Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS), Student Mall, Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa (KARNIAWAN), dan *Student in Free Enterprise* (SIFE).

Penglibatan pelajar di dalam aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh kampus masing-masing akan mendedahkan mereka kepada pelbagai kemahiran. Antara kemahiran tersebut adalah kemahiran khusus di dalam keusahawanan seperti kebolehan untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan kebolehan untuk merangka perancangan perniagaan. Kepelbagaian aktiviti keusahawanan yang dianjurkan di Universiti Kuala Lumpur adalah untuk mencambahkan minat terhadap budaya keusahawanan selain untuk mencungkil bakat sedia ada yang wujud dalam diri pelajar.

Penerapan ilmu keusahawanan dalam kalangan pelajar khususnya di Universiti Kuala Lumpur dilakukan secara berterusan bagi membolehkan mereka untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada kerja makan gaji apabila sudah bergraduasi. In disokong oleh (4) yang menyatakan aktiviti keusahawanan akan membolehkan pelajar menukar mentaliti daripada bekerja makan gaji kepada bekerja sendiri.

Kajian ini akan membincangkan mengenai hubungan antara sokongan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan, hubungan antara idola dengan kecenderungan keusahawanan dan hubungan antara aktiviti keusahawanan dengan kecenderungan keusahawanan.

### III. REKA BENTUK KAJIAN

Seramai 133 orang pelajar telah menjawab borang soal selidik dengan sempurna. Kajian ini menggunakan kaedah Model Persamaan Struktur (AMOS) atau *Structural Equation Modelling* (SEM). SEM adalah suatu teknik dalam multivariat yang menggabungkan komponen regresi berganda dan analisis faktor (11). Dua aspek utama dalam SEM ialah proses sebab atau punca iaitu *structural equation* (regresi) dan hubungan struktur yang boleh dibuat model secara grafik supaya mendapat gambaran yang jelas (3).

kajian dijawab dengan menentukan pekali regresi dan nilai kritikal (CR). Jika nilai melebihi 1.96 dengan nilai nilai signifikan (p) lebih kecil atau sama dengan 0.05, maka nilai itu menunjukkan bahawa pembolehubah peramal menyumbang secara signifikan terhadap pembolehubah bergerak balas. Kesepadanan model telah diuji dengan menggunakan beberapa fit indeks seperti CMIN, CFI dan RMSEA. Model hipotesis dianggap sepadan dengan data kajian apabila nilai signifikan bagi CMIN melebihi 0.05 ((12 and 18). Model hipotesis juga dianggap sepadan apabila nilai CFI melebihi 0.90 (12 and 18). Nilai RMSEA juga dianggap baik sekiranya berada di bawah nilai 0.08, tetapi masih boleh diterima jika kurang dari 1.0 (5). (16) juga mencadangkan nilai yang boleh diterima bagi CFI ialah melebihi 0.90. Tetapi menurut mereka lagi, nilai CFI antara 0.80 hingga 0.89 masih berada dalam julat yang boleh diterima.

### IV. DAPATAN KAJIAN

#### Analisis jantina responden

Jadual 1 Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus	Peratus sah	Peratus terkumpul
Lelaki	68	51.1%	51.1%	51.1%
Perempuan	65	48.9%	48.9%	100%
Jumlah	133	100%	100%	

Berdasarkan Jadual 1 di atas, kajian ini melibatkan 133 orang responden. 68 (51.1%) responden adalah lelaki, dan 65 (48.9%) responden adalah perempuan. Ini menunjukkan taburan responden hampir seimbang di antara lelaki dan perempuan dalam kajian ini.

#### Analisis asal responden

Jadual 2 : Taburan responden mengikut asal

Asal	Frekuensi	Peratus	Peratus sah	Peratus terkumpul
Bandar	67	50.4%	50.4%	50.4%
Luar bandar	66	49.6%	49.6%	100%
Jumlah	133	100%	100%	

Berdasarkan Jadual 2 di atas, pecahan responden mengikut asal menunjukkan peratusan yang hampir sama iaitu 67 (50.4%) berasal daripada bandar manakala 66 (49.6%) berasal daripada luar bandar.

#### **Analisis program pengajian responden**

Jadual 3 : Taburan responden mengikut program

Program pengajian	Frekuensi	Peratus	Peratus sah	Peratus terkumpul
Sarjana muda	108	81.2%	81.2%	81.2%
Diploma	25	18.8%	18.8%	100%
Jumlah	133	100%	100%	

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut program. Taburan menunjukkan, responden dari program sarjana muda adalah dominan di dalam kajian ini dengan bilangan seramai 108 orang (81.2%) manakala responden dari program diploma adalah seramai 25 orang (18.8%) sahaja.

#### **Analisis penglibatan aktiviti keusahawanan**


Jadual 4 : Taburan responden mengikut penglibatan aktiviti keusahawanan

Penglibatan dalam aktiviti keusahawanan	Frekuensi	Peratus	Peratus sah	Peratus terkumpul
Pernah	75	56.4%	56.4%	56.4%
Tidak pernah	58	43.6%	43.6%	100%
Jumlah	133	100%	100%	

Berdasarkan Jadual 4 di atas, pecahan responden mengikut penglibatan dalam aktiviti keusahawanan menunjukkan 75 (56.4%) daripadanya pernah terlibat dalam aktiviti keusahawanan, manakala 58 (43.6%) yang lain tidak pernah terlibat. Berdasarkan jawapan terbuka oleh pelajar yang pernah terlibat dalam aktiviti keusahawanan, antara aktiviti yang mereka pernah sertai adalah Latihan Pembentukan Usahawan (kursus), Seminar Saya Mahu Jadi Usahawan Berjaya (seminar) dan Karnival Usahawanan Desa (karnival).

#### **Analisis hubungan antara sokongan keluarga dengan kecenderungan keusahawanan**

Model hipotesis telah dijalankan sebanyak dua kali bagi mendapatkan keputusan yang menepati syarat fit indeks. Dapatan kajian ditunjukkan di dalam rajah 1 yang berikut



Rajah 1 Model hubungan antara pembolehubah kajian

Dapatan kajian yang ditunjukkan di dalam jadual 1 menunjukkan, terdapatnya hubungan yang signifikan antara kecenderungan keusahawanan dengan keluarga (CR= 4.20, P=0.00), dan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kecenderungan keusahawanan dengan idola (CR=2.89, P=0.004)

Dapatan kajian juga menunjukkan model yang dihasilkan adalah model yang fit dengan data kajian kerana melepasi syarat yang telah ditetapkan iaitu CMIN=453.051, sig=0.000, CMIN/DF=2.01, CFI=0.87. (16) mencadangkan nilai yang boleh diterima bagi CFI ialah melebihi 0.90. Tetapi menurut mereka (12 and 18) lagi, nilai CFI antara 0.80 hingga 0.89 masih berada dalam julat yang boleh diterima. Nilai RMSEA=0.087 Walaupun nilai RMSEA lebih daripada 0.08 tetapi menurut (5) nilai tersebut masih boleh jika kurang dari 1.0 (5)

## V. PERBINCANGAN DAN PENUTUP

Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan dan positif antara sokongan keluarga dan kecenderungan keusahawanan. Kajian ini boleh mengandaikan bahawa sokongan keluarga dapat mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Keadaan ini membuktikan bahawa elemen kekeluargaan itu penting untuk seseorang itu cenderung kepada keusahawanan. Elemen kekeluargaan yang rapat boleh mempengaruhi tingkahlaku seseorang sama ada secara positif atau negatif. Malah keluarga juga merupakan satu sistem yang sangat berkuasa dalam membentuk suatu perhubungan yang baru dan sebagainya serta saling bergantung di dalamnya (20)

Kajian lepas daripada (21) menyatakan persepsi peniaga Norway dalam menceburi bidang keusahawanan adalah didorongi oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut ialah nilai budaya, dorongan keluarga, ajaran guru di sekolah dan pandangan rakan sebaya. Malah keputusan kajian menunjukkan bahawa 70 % pengasas perniagaan mempunyai ibu bapa yang bekerja sendiri atau berniaga. Hasil kajian (24) turut mendapati anak kepada usahawan mempunyai kecenderungan lebih untuk menjadi usahawan. Ini mungkin

disebabkan oleh faktor pendedahan yang dilalui sejak kecil lagi. Persepsi anak tersebut tentang keusahawanan sudah tentu dipengaruhi oleh pemikiran bapanya.

Kajian daripada Shamsul Hana (25) turut mempunyai pendapat yang sama di mana sokongan keluarga mempengaruhi keputusan seseorang sama ada untuk bekerja sendiri atau makan gaji. Ini turut disokong oleh (10, 1, 22 and 23), mereka menyatakan hubungan keluarga dan sosial adalah penyokong yang berguna buat seseorang usahawan.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kecenderungan keusahawanan dengan idola. Responden yang mempunyai idola akan lebih cenderung terhadap bidang keusahawanan. Dapatan ini menyokong teori kognitif sosial yang menjelaskan bahawa pengaruh idola secara tidak langsung boleh memberi kesan terhadap pemilihan pekerjaan melalui efikasi sendiri, minat dan hasil yang dijangkakan (25). Menurut (15), mereka menyatakan bahawa pelajar yang mendapat pengaruh daripada idola lebih cenderung membuka perniagaan dengan rela hati berbanding mereka yang tidak mempunyai idola. Kenyataan ini dikaitkan dengan kajian. (7), yang mana idola mempunyai pengaruh terhadap keputusan seseorang individu untuk memulakan perniagaan.

Seterusnya kajian ini telah menghasilkan satu model berkaitan dengan kecenderungan keusahawanan pelajar dengan aspek keluarga dan idola. Model yang dihasilkan adalah fit dengan data kajian dan boleh dikatakan sebagai baik. Sebagai kesimpulannya, sokongan keluarga, rakan-rakan taulan yang lain adalah sangat penting kepada setiap individu yang memilih untuk menjadi usahawan. Idola adalah turut merujuk kepada rakan sebaya, para pensyarah, usahawan berjaya atau sesiapa sahaja yang boleh menggalakkan dan memotivasikan seseorang itu menjadi usahawan. Mereka boleh bertindak sebagai guru, koordinator mahupun fasilitator untuk menggalakkan para pelajar berjaya dalam bidang keusahawanan berdasarkan pengalaman masing-masing.

## RUJUKAN

- [1] Ahmad Yasruddin Md Yasin, Nik Abdul Aziz Nik Mahmood and Nik Azyyati Nik Jaafar. (2011). Students` entrepreneurial inclination at a Malaysian Polytechnic: a preliminary investigation. *International Education Studies*, 4(2), 198-205. Retrieved from <http://www.ccsenet.org/journal/index.php/ies/article/view/7981/7510>
- [2] Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- [3] Azlina Abu Bakar. 2011. Pembinaan model kesejahteraan diri remaja di Terengganu. ph.d tesis. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- [4] Buang, N. A (2008). Kajian Keperluan Pendidikan Keusahawanan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan, UKM. Fakulti Pendidikan, UKM.
- [5] Byrne, B.M. 1998. *Structural Equation modeling with LISREL, PRELIS and SIMPLIS: Basic concepts, application and programming*. Mahwah. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- [6] Birley Sue (2001), Owner-Manager Attitudes to Family and Business Issues: A 16 Country Study, *Entrepreneur Theory and Practice*, Vol 26, Issue 2, hh. 63-76
- [7] Bosma, N., Hessels, J., Schutjens, V., Praag, M.V. and Verheul, I. (2011). Entrepreneurship and role models. *Tinbergen Institute Discussion Paper*. Retrieved from <http://repub.eur.nl/res/pub/22907/2011-0613.pdf>
- [8] Buang, N. A (2008). Kajian Keperluan Pendidikan Keusahawanan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan, UKM. Fakulti Pendidikan, UKM.
- [9] Chua, Yan Piaw. 2009. Statistik Penyelidikan Lanjutan Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education Caputo, R. K. and A.

## Aktiviti Kokurikulum Dalam Kalangan Pelajar di Universiti Kuala Lumpur: Kecenderungan Usahawanan

---

- [10] Green, F.J. and Saridakis, G. (March,2007). *Understanding the factors influencing Graduate entrepreneurship*. Retrieved from [http://www.agcas.org.uk/agcas\\_resources/164-Understanding-the-Factors-Influencing-Graduate-Entrepreneurship](http://www.agcas.org.uk/agcas_resources/164-Understanding-the-Factors-Influencing-Graduate-Entrepreneurship)
- [11] Hair, J., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. 2009. *Multivariate data Analysis*. US: Prentice Hall
- [12] Hair,J., Anderson R., Tatham R. & Black, W. 2010. *Multivariate data analysis*. 7th ed. New Jersey: Pearson Education, Inc
- [13] Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM]. (2003). *Sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [14] Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia(2010). *Policies and Strategies, Entrepreneurship Development Policy*, Malaysia Institutions of Higher Education
- [15] Kennedy, J., Drennan,J., Renfrow,P. and Watson, B. (2003). The influence of role models on students` entrepreneurial intentions. *Queensland Review*, 10(1),pp 37- 52.
- [16] Knight, G.P., Virdin, L.M., Ocampo., K.A & Roosa, M. 1998. An Examination of the cross ethnic equivalence of measures of negative life events and mental health among Hispanic and Anglo-American children. *American Journal of Community Psychology*, 22(6), 767-783
- [17] Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Dicapai pada 20 April 2012 di <http://www.statistic.gov.my>
- [18] Meyers, L.S., Gamst, G & Guarino, A.J. 2006. *Applied multivariate research: Design and interpretation*. Sage Publication London.Neck, H.M., and Greene, P.G. 2011. Entrepreneurship education: Known worlds and New frontiers. *Journal of Small Business Management*, 49(1), 55–70.
- [19] Mok Soon Sang. 2009. *Pengurusan kokurikulum & Pendidikan Sukan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- [20] Nichols, M. P., and Schwartz, r. c. (1995). *Family therapy: concepts and methods*, 3rd Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- [21] Neck, H.M., and Greene, P.G. 2011. Entrepreneurship education: Known worlds and New frontiers. *Journal of Small Business Management*, 49(1), 55–70.
- [22] Nor Aishah and Yufiza (2006). Motivating factors that influence class F contractors to become entrepreneurs. *Jurnal Pendidikan*, 31 ,107-121.Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/186/1/1.pdf>
- [23] Rajani,N. and Sarada,D. (2008). Women entrepreneurship and support systems. *Student Home Community Sci*, 2(2), 107-112. Retrieved from
- [24] Sabree Hj. Hussin (2002). *Pengenalan kepada perniagaan: mengurus perniagaan Dalam perspektif Malaysia*. Singapore: Thomson Learning
- [25] Shamsul Hana Abd Rani (2012). *A study of relationship between family support, role model and financial support towards entrepreneurial inclination among UUM non-business students*. Unpublished Master Thesis. Universiti Utara Malaysia, Kedah